

## Jenis-jenis Gejala Sosial yang Sering Dilakukan oleh Remaja

Sejak akhir-akhir ini gejala sosial di kalangan remaja kerap menjadi perbincangan hangat di kalangan masyarakat dan pemimpin negara. Hampir setiap hari isu gejala sosial di kalangan remaja menjadi berita di akhbar tempatan. Pada pendapat saya gejala sosial di kalangan remaja (1) \_\_\_\_\_ oleh semua pihak. Di samping memberi kesan negatif kepada usaha negara menjadi negara maju, gejala sosial di kalangan remaja juga akan menjatuhkan imej negara. Terdapat beberapa jenis gejala sosial yang sering dilakukan oleh golongan remaja.

Aktiviti melepak di kalangan remaja merupakan isu yang hangat diperkatakan pada suatu masa dahulu. Isu ini didapati masih berterusan dan tidak menampakkan titik penamat. Aktiviti ini sebenarnya merugikan para remaja kerana mereka telah (2) \_\_\_\_\_ masa lapang mereka. Antara tempat yang sering menjadi lokasi melepak ialah pusat membeli-belah, pusat snuker dan di tepi-tepi jalan. Aktiviti melepak ini boleh juga mendatangkan masalah lain seperti (3) \_\_\_\_\_ dan mengganggu ketenteraman awam.

Dewasa ini, para remaja lelaki cenderung untuk menjadi mat rempit dan menyertai lumba haram. Aktiviti merempit dan lumba haram ini bukan sahaja membahayakan diri sendiri malahan juga boleh (4) \_\_\_\_\_ nyawa orang lain. Kejadian demi kejadian telah dilaporkan oleh media massa yang jelas menunjukkan aktiviti mat rempit dan perlumbaan haram masih wujud di dalam masyarakat. Aktiviti merempit dan lumba haram ini banyak dilakukan pada malam minggu dan di jalan-jalan yang strategik. Tindakan pihak polis membanteras lumba haram patut dipuji dan sebagai masyarakat, kita patut (5) \_\_\_\_\_ sepenuhnya.

Selain itu, aktiviti merokok dan menagih dadah juga merupakan gejala sosial yang sering dilakukan oleh remaja. Aktiviti merokok boleh mendorong kepada berlakunya aktiviti penagihan dadah. Hukuman penjara yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ke atas remaja yang terlibat dalam kegiatan menagih dadah dilihat seperti kurang berkesan kepada golongan remaja. Sama ada kita sedar atau tidak aktiviti menagih dadah ini sebenarnya boleh (6) \_\_\_\_\_ penyakit AIDS yang membawa maut. Oleh itu, musuh nombor satu negara ini perlu terus dibanteras hingga ke akar umbi.

Perbuatan vandalisme juga merupakan gejala sosial yang sering dilakukan oleh golongan muda kini. Banyak harta awam sering diconteng dan dirosakkan oleh segelintir remaja yang tidak (7) \_\_\_\_\_ ini. Kerosakan harta benda awam ini telah mendatangkan kesulitan kepada orang awam. Antara harta awam yang selalu dirosakkan oleh remaja ialah telefon awam, tandas awam, papan tanda dan tempat menunggu bas. Justeru, perbuatan vandalisme ini perlu dibanteras supaya kehidupan masyarakat lebih (8) \_\_\_\_\_ dan harmoni.

Pergaulan bebas di kalangan remaja juga merupakan gejala sosial yang selalu berlaku. Pergaulan bebas ini akan membawa kepada pelakuan seks rambang yang boleh mengakibatkan kelahiran anak luar nikah. Kehamilan yang tidak dirancang ini juga akan membawa kepada masalah lain seperti (9) \_\_\_\_\_ antara ahli keluarga dan pembuangan bayi. Pembuangan bayi yang tidak berdosa merupakan kesan negatif gejala pergaulan bebas yang dilarang keras oleh agama. Masalah pergaulan bebas

ini mesti ditangani dengan segera dan ia memerlukan (10)  
\_\_\_\_\_ sepenuhnya daripada pihak ibu bapa.

Melalui perbincangan di atas, jelaslah menunjukkan bahawa banyak aktiviti gejala sosial dilakukan oleh para remaja. Dalam usaha mencapai taraf negara maju, negara amat memerlukan remaja yang (11) \_\_\_\_\_ dan dapat menabur bakti kepada negara. Pada pendapat saya Kementerian Belia dan Sukan sewajarnya (12) \_\_\_\_\_ program-program yang dapat menghindarkan golongan remaja daripada terlibat dalam gejala sosial. Oleh itu, semua pihak mestilah (13) \_\_\_\_\_ memikul tanggungjawab dalam melahirkan belia yang berwawasan. Jika semua pihak dapat bekerjasama, saya pasti masalah gejala sosial dapat (14) \_\_\_\_\_.

Tambahan, isu ini juga tidak harus dipandang ringan kerana (15)  
\_\_\_\_\_ kepada usaha negara menjadi negara maju. Oleh itu, gejala ini perlu (16) \_\_\_\_\_ oleh semua pihak.

perselisihan   纠纷 kerjasama   合作 berkualiti   有素质 merancang   策划 berganding bahu   齐心协力 diatasi   被解决 memberi kesan negatif   带来负面影响 dibanteras   被消除	tidak harus dipandang ringan   不应被轻视 membazirkan   浪费 pergaduhan   打架 mengancam   威胁 memberikan kerjasama   给予合作 menyebabkan   导致 bertanggungjawab   负责任 tenteram   安宁
--	---